

30/05/1998

Kegawatan sukar diatasi segera

KOTA BHARU, Jumaat - Kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia sukar diatasi dalam masa singkat, selagi nilai mata wang dikuasai peniaga mata wang yang didorong matlamat untuk mengaut keuntungan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata:

"Isu kegawatan ekonomi tidak dapat diselesaikan dalam masa singkat kerana kita dapati kuasa menaik dan menurunkan mata wang terlepas daripada tangan kita.

"Seperti negara lain, pihak yang menguasai nilai mata wang ialah peniaga mata wang dan mereka akan terus memainkan pasaran mata wang supaya dapat keuntungan daripada kegawatan yang disebabkan oleh serangan mereka."

Beliau berkata demikian di kediaman Senator Datuk Ibrahim Ali, di Wakaf Bharu, dekat sini, semalam.

(END)